

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF B. ABDUL RAHMAN  
(KUALA KRAI)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) berapa jumlah perbelanjaan untuk kesemua penjara di Malaysia untuk tahun 2017, 2018 dan 2019; dan
- (b) berapa jumlah banduan akhir yang menunggu hukuman mati serta berapa lamakah tempoh menunggu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan untuk kesemua penjara di Malaysia bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM116,550,486.99, dan bagi tahun 2018 pula telah meningkat kepada RM132,633,279.32. Manakala, perbelanjaan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM142,172,607.17.
  
- (b) Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia sehingga **30 Jun 2020**, terdapat seramai **1,314** banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana **475** orang banduan masih lagi dalam proses rayuan di Mahkamah Rayuan dan Persekutuan, manakala **839** orang dalam proses rayuan di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen untuk menambah baik infrastruktur kesemua klinik kesihatan dalam Parlimen Kapar yang semakin hari menerima jumlah pesakit yang tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian sentiasa prihatin dan mengkaji keperluan bagi mempertingkatkan lagi prasarana perkhidmatan kesihatan seluruh negara, termasuk di kawasan Parlimen Kapar. Buat masa ini, terdapat lima (5) buah klinik kesihatan di Parlimen Kapar dan terdapat beberapa inisiatif yang telah diambil bagi menambahbaik infrastruktur klinik kesihatan iaitu:

- a) naiktaraf Klinik Desa kepada Klinik Kesihatan Sungai Bertik pada tahun 2017;
- b) naiktaraf Klinik Kesihatan Rantau Panjang (kerja pembaikan bumbung) pada tahun 2019; dan
- c) naiktaraf Klinik Kesihatan Meru (kerja pembaikan kuarters dan bumbung) pada tahun 2019.

2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pembinaan klinik kesihatan Jenis 3 Kapar yang baru menggantikan klinik kesihatan sedia ada sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2021. Sekian, terima kasih.